

**05/11/2012 - Ucapan Perasmian Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat
Kebangsaan ke-29 tahun 2012**

TEKS UCAPAN

YBHG DATO SRI DR. ALI BIN HANSA

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN

KONVENSYEN KIK PERKHIDMATAN AWAM

PERINGKAT KEBANGSAAN KE-29 TAHUN 2012

AWANA PORTO MALAI,

PULAU LANGKAWI, KEDAH

5 NOVEMBER 2012 (ISNIN);

4.00 PETANG

Yang Berhormat Dato' Seraja Setia Dato' Paduka Haji Rasli bin Basir

Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah

YBhg Datuk Farida binti Mohd Ali

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

YBhg. Dato' Dr. Halim Man

Pengarah INTAN

YBhg Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,

YBhg Dato' Seri-Dato' Seri, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada petang ini menghadiri Majlis Perasmian Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan Ke-29 Tahun 2012.
2. Terlebih dahulu, saya ucapkan jutaan terima kasih kepada pihak penganjur, INTAN dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah kerana menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan kali ke-29 pada tahun 2012 ini. Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, terutamanya kepada YB Dato' Seraja Setia Dato' Paduka Haji Rasli bin Basir, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, di atas kesudian dan kesediaan menganjurkan bersama konvensyen bersama-sama dengan INTAN. Kerjasama sedemikian, yang berupaya untuk mengikis mentaliti silo diantara jabatan Kerajaan, adalah baik dan wajar diteruskan terutamanya dalam program atau aktiviti yang dapat meningkatkan lagi, mutu penyampaian perkhidmatan awam sama ada di peringkat Negeri mahu pun Persekutuan.

TEMA KONVENSYEN: PEMIKIRAN INOVATIF, PELAKSANAAN KREATIF, PERKHIDMATAN AWAM PRODUKTIF

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Pemilihan tema konvensyen pada tahun ini iaitu, PEMIKIRAN INOVATIF, PELAKSANAAN KREATIF DAN PERKHIDMATAN AWAM PRODUKTIF, adalah sangat bertepatan dengan hasrat dan usaha Kerajaan untuk mentransformasikan perkhidmatan awam demi kepentingan rakyat. Kejayaan program-program transformasi Kerajaan iaitu Program Transformasi Ekonomi dan khususnya Program Transformasi Kerajaan memerlukan perubahan mind-set para penjawat yang mencorakkan cara kita melakukan sesuatu tugas dan pendekatan yang diambil dalam menangani sesuatu isu. Seiring dengan perubahan teknologi dan ekspektasi tinggi oleh rakyat terhadap perkhidmatan awam negara, penjawat awam perlu memikirkan kaedah atau pendekatan berbeza untuk pelaksanaan sesuatu dasar, dalam memenuhi permintaan kumpulan sasaran disebalik kekangan sumber yang dihadapi.
4. 6 prinsip yang digariskan oleh YAB Perdana Menteri iaitu Cepat, Tepat, Integriti (CTI) dan Produktif, Kreatif, Inovatif (PCI) dapat dijadikan panduan penjawat awam dalam mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan awam. 2 daripada prinsip tersebut menekankan pemikiran kreatif dan proses inovatif dalam mengaplikasikan idea-idea yang dijanakan oleh pemikiran kreatif. Sepertimana yang dizahirkan oleh pakar ekonomi daripada Harvard Business School, Theodore Levitt, "Creativity is Thinking new things, Innovation is Doing new things", kreativiti dan inovasi tidak boleh dipisahkan dalam memastikan sesebuah

organisasi memperoleh sepenuh manfaat daripada kedua-dua proses tersebut. Kejayaan Perkhidmatan Awam Malaysia dalam menjadikan kreativiti dan inovasi sebagai tunjang dalam penyampaian perkhidmatan awam dapat dilihat dalam konteks Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau National Blue Ocean Strategy (NBOS). Pengenalan NBOS yang kini di fasa ke-7 memperlihatkan pelaksanaan inisiatif-inisiatif Kerajaan yang mesra-rakyat berpaksikan kepada prinsip kos rendah, berimpak tinggi dan pantas dalam pelaksanaan. Kerjasama diantara pihak polis dan tentera, dimana kedua-dua pihak secara lazimnya bersifat territorial, menerusi rondaan keselamatan bersama dalam program NBOS, mencerminkan kejayaan dalam memecahkan mentaliti silo yang selama ini menjadi benteng dalam kerjasama diantara kedua-dua belah pihak. Malah, mentaliti silo yang seringkali wujud diantara pelbagai jabatan dapat diketepikan menerusi inisiatif-inisiatif NBOS yang lain seperti Rural Transformation Centre (RTC) dan Urban Transformation Centre (UTC). RTC dan UTC merupakan konsep penawaran perkhidmatan awam pelbagai agensi dibawah satu bumbung dimana kejayaan pelancaran RTC dan UTC bergantung kepada kerjasama agensi-agensi yang berkaitan. Malah, UTC pertama di Melaka berjaya dilancarkan dalam tempoh 6 minggu selepas tarikh keputusan pelaksanaannya dibuat. Perubahan mind-set seperti ini bertepatan dengan saranan YAB Perdana Menteri yang pernah menyatakan:

“Pemikiran yang kreatif dan inovatif itu amat penting bukan berkaitan dengan sains dan teknologi sahaja, bukan berkaitan dengan sektor swasta sahaja, bukan soal R&D tetapi segala yang kita lakukan, our thought process, aliran pemikiran kita mesti bersandarkan kepada pemikiran kreatif dan inovatif.”

5. Berlandaskan kepada kejayaan yang dikecapi oleh inisiatif-inisiatif NBOS, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) boleh turut mengorak langkah ke arah pendekatan yang sama menerusi usahasama KIK diantara agensi yang berlainan. Saya yakin, menerusi pendekatan tersebut, banyak lagi projek inovasi akan dapat dilaksanakan menerusi penjaan idea-idea kreatif pelbagai pihak.

PEMBUDAYAAN KREATIVITI DAN INOVASI MENERUSI MOTIVASI INTRINSIK

Hadirin sekalian,

6. Kita perlu akui bahawa proses penghasilan sesuatu produk atau penyampaian perkhidmatan yang kreatif menerusi pendekatan inovatif adalah satu proses yang berterusan. Oleh yang demikian, gerakan pembudayaan kreativiti dan inovasi memerlukan kesinambungan. Dalam aspek ini, Kerajaan telah menjadikan pembudayaan konsep kreativiti dan inovasi sebagai salah satu daripada 4 nilai asas dalam Lapan Tonggak Perdana Pentadbiran Negara seperti yang digariskan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2010.

7. Nilai asas ini mengkehendaki semua penjawat awam mempunyai kebolehan berfikir secara kritis dan konstruktif dalam melaksanakan segala amanah dan tanggungjawab. Seorang ahli pengurusan, Edward de Bono yang terkenal dengan idea Six Thinking Hats, menyatakan bahawa:

“Creative thinking is not a talent, it is a skill that can be learnt. It empowers people by adding strength to their natural abilities which improves teamwork, productivity and where appropriate profits.”

Ini membawa maksud bahawa setiap penjawat awam di Malaysia mampu menjadi seorang yang kreatif kerana kreativiti merupakan kemahiran yang boleh dipelajari. Ianya adalah merupakan satu penambahan kekuatan kepada kebolehan semulajadi yang sememangnya dimiliki oleh setiap daripada kita, penjawat awam di Malaysia ini.

8. Usaha-usaha Kerajaan dalam pembudayaan kreativiti dan inovasi telah diteruskan menerusi pelancaran Panduan Peningkatan Budaya Inovasi dalam Perkhidmatan Awam, perisytiharan tahun 2012 sebagai Tahun Gerakan Inovasi Nasional dimana program dan aktiviti pembudayaan kreativiti dan inovasi dilipatgandakan. Kesemua usaha-usaha ini ke arah membudayakan kreativiti dan inovasi dalam diri kita sebagai penjawat awam secara khusus, dan dalam organisasi sektor awam secara amnya, tidak mungkin akan dapat menghasilkan impak optimum sekiranya penjawat awam tidak bermotivasi untuk berfikir secara kreatif dan melaksanakan inovasi. Selain daripada kepakaran teknikal dan kemahiran berfikir secara kreatif, motivasi intrinsik merupakan komponen penting membudayakan kreativiti seperti yang digariskan oleh Componential Theory on Creativity. Begitu juga dengan organisasi sektor awam yang tidak menyediakan persekitaran kerja yang kondusif menerusi amalan pengurusan serta penyediaan sumber-sumber yang dapat memupuk budaya kreatif dan inovatif. Dalam hubungan ini, saya ingin menggesa ketua-ketua jabatan agar ‘turun padang’ dengan lebih kerap bagi memahami akan hasrat pegawai dan anggota yang berkhidmat terutamanya masalah atau kekangan yang dihadapi. Menerusi proses ‘engagement’ sedemikian, kedua-dua pihak pengurusan dan pekerja akan dapat memahami aspirasi dan kekangan masing-masing seterusnya mempertingkatkan motivasi ke arah membudayakan kreativiti dan inovasi dalam diri individu dan organisasi.

9. Cabaran bagi membudayakan kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam adalah merupakan satu tanggungjawab besar dan memerlukan komitmen semua pihak terutamanya pihak pengurusan. Satu kajian yang dijalankan oleh Human Resources Professionals’ Association di Ontario, Kanada pada tahun 2008 di kalangan 550 pengurus sumber manusia, telah mendapati bahawa terdapat satu jurang yang besar dalam pelaksanaan inovasi dalam organisasi disebabkan kurangnya sokongan oleh pemimpin atau CEO organisasi berkenaan dalam hal berkaitan pembudayaan inovasi. Kajian berkenaan mencadangkan untuk sesebuah organisasi berjaya merapatkan jurang inovasi, maka ketua jabatan berkenaan perlu menjadi champion kepada usaha pembudayaan inovasi tersebut.

ENGAGEMENT MELALUI KIK

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. KIK memainkan peranan penting dalam proses ‘engagement’ di kalangan ahli-ahli organisasi bagi mendapatkan idea dan pandangan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan. Kajian “The Relationship Between Engagement at Work and Organizational Outcomes” oleh Gallup Consulting Group pada tahun 2011 melibatkan lebih 152 organisasi dalam 44 industri di 26 buah negara mendapati terdapat perbezaan yang sangat ketara dari segi pencapaian atau outcome sesebuah organisasi yang mempunyai pasukan di pelbagai peringkat organisasi (top-down) berbanding organisasi yang hanya mempunyai pasukan-pasukan khas. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa semakin tinggi engagement di kalangan ahli sesebuah organisasi tersebut dalam menentukan keputusan-keputusan dasar, maka semakin tinggilah pencapaian ‘outcome’ organisasi tersebut. Ini adalah berdasarkan falsafah bahawa engagement adalah merupakan satu pendekatan yang menyumbang kepada collective ownership terhadap objektif atau isu serta masalah dalam organisasi tersebut. Oleh yang demikian, KIK atau

Komuniti KIK perlulah diwujudkan oleh setiap Ketua Jabatan disetiap organisasi masing-masing. Komuniti KIK ini perlu melibatkan penyertaan pelbagai peringkat dalam organisasi tanpa mengira kedudukan.

KIK HYBRID DAN FUNGSI KIK SEBAGAI FOCUS GROUP

11. Saya difahamkan bahawa INTAN akan memperkenalkan pendekatan baru KIK bermula tahun hadapan menerusi konsep engagement atau collective ownership iaitu KIK Hybrid. KIK Hybrid ini membenarkan dua (2) atau lebih jabatan atau organisasi yang berbeza fungsi untuk bergabung menjadi satu kumpulan KIK. KIK Hybrid ini juga turut membenarkan kumpulan KIK jabatan dan agensi berkenaan, turut melibatkan komuniti atau masyarakat setempat menyertai dan menubuhkan satu kumpulan KIK. Satu projek KIK Hybrid percubaan telah dilaksanakan antara Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak yang bergabung dengan Pejabat Residen Kota Samarahan untuk menyelesaikan masalah pelaksanaan projek pembangunan luar bandar, yang dikenali sebagai Kumpulan I-Berito. Saya difahamkan kumpulan ini telahpun menyiapkan projek mereka dengan jayanya. Tahniah saya ucapkan. Saya juga ingin mencadangkan supaya KIK Hybrid tersebut dapat memainkan peranan sebagai focus group yang berupaya mendapatkan maklumbalas dan pandangan daripada stakeholders atau pelanggan kami.

12. Oleh yang demikian, saya ingin menyeru semua jabatan dan agensi untuk menggunakan sepenuhnya platform ini. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) umpamanya boleh menjemput keahlian daripada Persatuan Penduduk, untuk sama-sama melahirkan idea kreatif dan dilaksanakan secara inovatif untuk meningkatkan kualiti hidup dalam kawasan berkenaan. Saya difahamkan pihak Jabatan Kastam DiRaja Selangor sedang mengkaji untuk mengadakan kerjasama dengan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan Selangor untuk menangani isu hasil import kenderaan persendirian.

PENUTUP

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ingin saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada kumpulan-kumpulan yang bertanding pada tahun ini. Kejayaan tuan-tuan dan puan-puan mewakili negeri dan kementerian sebenarnya telah menunjukkan bahawa tuan-tuan dan puan-puan telah menghasilkan projek-projek KIK yang berkualiti dan telah memberi impak kepada peningkatan perkhidmatan dan produktiviti di jabatan masing-masing.

14. Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya pihak INTAN dan Pejabat SUK Kedah dalam menganjur dan menjayakan Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan pada kali ini.

15. Dengan lafaz bismillah hirrahman nirrahim, saya dengan ini merasmikan Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan Ke-29 Tahun 2012.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh